

22 FEB 1997

LAPORAN MINGGUAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Ringgit telah diniagakan dengan berhati-hati di sepanjang minggu dan berkemungkinan diniagakan berjajaran pada minggu depan, kata wakil penjual.

Mereka menyatakan pengumuman Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan pertumbuhan ekonomi "aliran naik dan makmur" yang dijangka akan diumumkan hari ini, mungkin menjadi faktor utama bagi menentukan arah aliran ringgit minggu depan.

Data "aliran naik dan makmur" yang dirujuk oleh Anwar, yang juga Menteri Kewangan, mungkin juga bermakna data tersebut adalah dalam jangkaan, oleh itu tidak akan memberi kesan kepada pergerakan ringgit yang agak stabil menjelang penghujung minggu, kata seorang wakil penjual.

Penentu utama lain arah aliran ringgit adalah prestasi hujung minggu dolar Amerika di pasaran seberang laut, terutamanya dengan kematian ketua negara China Deng Xiaoping pada Rabu lepas.

Seorang wakil penjual menyatakan walaupun kebanyakan mata wang utama asing bertindak balas secara tenang dengan kematian pemimpin China itu, terdapat juga peniaga yang berhati-hati bagi mengelakkan kesan negatif.

Para peniaga juga berhati-hati dengan kemungkinan rombakan kabinet, walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan tiada rombakan kabinet yang akan dilakukan.

Beberapa penganalisis menyatakan keputusan pemilihan UMNO yang lalu di mana beberapa menteri telah kalah dalam pemilihan parti mungkin bermakna beberapa muka baru ke dalam kabinet.

Minggu ini, ringgit ditutup tinggi pada 2.4785/95 berbanding dolar Amerika daripada 2.4865/75 minggu lepas, kebanyakannya adalah kerana pembelian singkat selepas pengumuman Anwar tersebut.

Ringgit juga meningkat berbanding deuschemark kepada 1.4700/14 daripada 1.4715/24, berbanding paun sterling kepada 4.0050/91 daripada 4.0276/17 dan berbanding dolar Singapura kepada 1.7404/23 daripada 1.7519/39.

Bagaimanapun, ia jatuh berbanding 100 yen Jepun kerana kegiatan pengambilan untung kepada 2.0152/77 daripada 1.9946/62.

Sementara itu, di pasaran wang kadar faedah yang mengukuh minggu ini, dijangka akan merosot berikutan dengan pertambahan mudah tunai.

Seorang wakil penjual menyatakan tunai yang dikeluarkan daripada sistem perbankan bagi musim perayaan yang baru lalu, telah mula masuk ke dalam sistem semula.

Mudah tunai yang banyak di pasaran akan memberi tekan kepada kadar faedah, tetapi para peniaga berhati-hati kerana Bank Negara dijangka akan mengekalkan dasar kewangan yang ketat untuk menanganinya.

Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur bagi wang satu bulan jatuh kepada 7.34 peratus daripada 7.38 peratus, walaupun terdapat beberapa pinjaman oleh institusi kecil.

Wang tiga bulan jatuh kepada 7.38 peratus daripada 7.40 peratus minggu lepas. -- BERNAMA

JR RIF